

# Mak Long Teh Guest House, Cherating: Di Sebalik Legenda Pengasasan Program Rumah-inapan di Malaysia

MOHAMED ANWAR OMAR DIN dan  
NORAZLINDA MOHAMED ROSDI

## ABSTRAK

Makalah ini menyorot perkembangan *Mak Long Teh Guest House* di Cherating yang tidak begitu diperhatikan oleh para pengkaji. Tajuk ini penting kerana rumah-inapan ini bukan sahaja merupakan keusahawanan pelancongan pertama yang pernah dijalankan di Cherating tetapi juga merupakan antara perintis terawal pembangunan rumah-inap di negara ini. Makalah ini adalah satu diskripsi tentang bagaimana berlakunya penglibatan masyarakat tempatan, seperti Mak Long Teh, terlibat dalam industri pelancongan dengan menjalankan keusahawanan kecil dan apakah faktor dalaman dan luar yang mendorong mereka untuk terlibat dalam sektor ini. Bahan penulisan makalah ini adalah maklumat yang diberikan oleh orang-orang yang terlibat secara langsung dengan keusahawanan tersebut, terutama anak-anak Mak Teh Long sendiri. Di samping itu, data dikutip daripada pengamatan lapangan dan sebahagian daripadanya diperoleh dari dokumen-dokumen rasmi kerajaan. Kajian ini memperlihatkan impak daripada keusahawanan besar di tempat tersebut yang meruntuhkan keusahawanan kecil tempatan sebagaimana dialami oleh rumah-inapan ini.

Kata Kunci: Rumah-inapan, Perancangan Kerajaan, Layan tamu, *Back-packers* dan Promosi

## ABSTRACT

This paper seeks to luminous the untold development of *Mak Long Teh Guest House* in Cherating, Pahang. The importance of this topic is that this guest house has not only the earliest tourism entrepreneurship ever being set up at Cherating but also one of the pioneer of homestay in this country. It is a description of how the local involvement, such as Mak Long Teh, in tourism industry by setting up small enterprise and what are the internal and external factors that have driven them to involve in this sector. Material of this writing was collected from those people who had directly involved in its setting up and operations. To give a bigger picture and where it stands, data also being collect from published and official documents. This study foresee the impacts of large

entrepreneurship in the area that has ruining the small enterprizes as been experienced by this guest house.

**Key Words:** Homestay, Government planning, hospitality, *Back-packers* and promotion

## Pengenalan

Cherating<sup>1</sup> terletak kira-kira 50 kilometer ke utara Kuantan. Ia terkenal sebagai pusat peranginan yang menggabungkan unsur-unsur moden dengan kampung tradisional masyarakat tempatan.<sup>2</sup> Pada hari ini ia merupakan salah sebuah destinasi pelancongan Malaysia yang muncul dalam peta pelancongan dunia. Di peringkat nasional, ia merupakan destinasi utama yang keenam dengan jumlah kedatangan pelancong 266,046 orang pada tahun 2006.<sup>3</sup> Bagi tahun 2007 dan 2008 masing-masing 271,800 dan 194,075 orang. Untuk setengah tahun pertama tahun 2008, jumlah pelancong adalah 96,835 orang. Bagi setengah tahun pertama tahun 2009, 103,515 orang. Peningkatan kedatangan pelancong bagi tahun-tahun tersebut adalah 6.9 peratus

Seperti telah dinyatakan, di sebalik kejayaan Cherating itu, terdapat keusahawanan *Mak Long Teh Guest-House*. Walaupun pada hari ini ia hanya selonggok chalet murah amat sederhana yang terbengkai sejak 2006, rumah-inapan ini penting diketengahkan kerana dua sebab: Pertama, ia merupakan legenda dalam pengasasan pelancongan di Cherating. Kedua, ia merupakan antara pengusaha pertama program rumah-inapan (homestay) di negara ini.

*Mak Long Teh Guest-House* dikatakan satu legenda kerana hampir tidak ada pengkaji dalam penyelidikan tentang pelancongan di rantau

<sup>1</sup> Cherating adalah petempatan lama. Dalam sumber China purba iaitu catatan Chao Jukua (1226M) ia disebut sebagai Chi-Lo-Ting, sebuah entiti di bawah kerajaan Sriwijaya.

<sup>2</sup> Di Cherating terdapat Kompleks Kebudayaan yang menjual kraf tangan daripada mengkuang dan pandan seperti tikar, topi dan sebagainya. *Berita Harian* (7 Disember 2002) menyatakan: "Pelancong berpeluang melihat demonstrasi melukis batik, menenun dan menyaksikan pertunjukan wayang kulit, silat serta menikmati aktiviti di laut mahupun di darat."

<sup>3</sup> Sebelum tahun 2006, perkiraan pelancong di Cherating dicantumkan dengan Kuantan. Perkiraan jumlah pelancong semasa Kuantan dicantumkan dengan Cherating adalah seperti berikut: 2001 (821,356 orang), 2002 (889,691), 2003 (622,214) dan 2004 (951,927) dan 2005 (973,807). Perkiraan jumlah pelancong itu adalah didasarkan kepada bilangan penginap di hotel. Tidak ada data pelancong yang tidak menginap di hotel. Biasanya pihak Tourism Malaysia menghantar borang untuk pihak hotel isikan dan mereka menjumlahkan semua pelancong melalui jumlah hotel yang mereka senaraikan.

Asia Tenggara yang tidak menyebut Mak Long Teh Guest-House. Ia disebut, antaranya, oleh Nicol (1977), Hofmann (1979), Wood (1983), Kadir Hj. Din (1988) dan Lee Tze Ian dan Ghazali Musa (2008). Selain itu, nama *Mak Long Teh Guest-House* masih disebut dalam media-promosi pelancongan antarabangsa, misalnya, dalam *Global Hotel Index* ([globalhotelindex.com](http://www.globalhotelindex.com)).<sup>4</sup>

Ini agak aneh kerana rumah-inapan sudah tidak beroperasi sejak tahun 2006. Ini mungkin kerana kemasyhuran namanya sebagai salah sebuah destinasi yang unik di negara ini sejak dekad 1970-an hingga 1990-an.

Antara sarjana terawal melakukan penyelidikan di Cherating, termasuk *Mak Long Teh Guest-House*, ialah Hofmann (1979). Kajian beliau pada tahun 1979 di destinasi tersebut telah meletakkan batu-asas penyelidikan pelancongan dalam bidang sains sosial di Malaysia. Antaranya, menurut beliau pada tahun-tahun 1970-an itu telah timbul legaran pelancongan di Cherating yang dicirikan oleh adanya kemudahan awam, pengangkutan dan kemudahan rekreasi. Kebanyakan masyarakat tempatan masih belum mendapat keperluan asas seorang bekalan elektrik dan air. Walau bagaimanapun, menurut beliau, sektor pelancongan telah menyediakan wahana meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat tempatan seperti menyediakan peluang pekerjaan dan memberi ruang pasaran bagi keluaran tempat seperti kraf.

Walaupun dalam keadaan begitu, program rumah-inapan (homestay) di negara ini adalah bermula di situ. Program ini dilancarkan secara rasmi oleh pihak kerajaan pada tahun 1995. Namun begitu semua pihak mengakui program rumah-inapan di negara ini adalah dipelopori oleh *Mak Long Teh Guest House*. Ini diakui oleh Pihak Kementerian Pelancongan Malaysia

Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pelancongan, Kementerian Pelancongan, Hamdiah Ismail, berkata program homestay di negara ini sudah dimulakan sejak awal 1970 di mana seorang wanita dikenali sebagai Mak Long Teh dari Kampung Cherating Lama, Pahang adalah pengusaha Homestay pertama di negara ini.

(*Harian Metro*, 15 April 2008)

<sup>4</sup> Dalam [http://www.globalhotelindex.com/default.aspx?Hotel\\_ID=2413174 & Action=detail&LanguageID=9](http://www.globalhotelindex.com/default.aspx?Hotel_ID=2413174 & Action=detail&LanguageID=9) diiklankan: The Mak Long Teh Guesthouse in Kuantan, Malaysia situated Jalan Jembatan Sg. Cherating can be contacted by phone +609 439290. Here it is unfortunately not yet possible to book online. This accommodation Mak Long Teh Guesthouse would be glad to welcome you soon. The correct data depends on the update of the information through the management and cannot be guaranteed.

Banyak faktor yang menjadi pendorong keusahawanan Mak Long Teh itu. Ia boleh dikaitkan dengan kehadiran *backpacker* yang ketara di negara ini pada awal 1970-an. Di samping itu, pembangunannya juga adalah sebahagian daripada tindakan affirmatif kerajaan yang mahu membantu masyarakat luar bandar. Walau bagaimanapun, makalah ini akan menjadi bahawa ini juga didorong oleh faktor keperibadian pengasasnya sendiri, iaitu Mak Long Teh.

Makalah ini meninjau bagaimana beliau boleh terlibat dalam keusahawanan sektor industri? Apakah faktor-faktor dan cabaran-cabaran yang dihadapi di belakang tabir pengasasan? Tujuan makalah ini menukili pengalaman Mak Long Teh adalah untuk menyediakan atas pembinaan model, di samping memberi iktibar, tentang bagaimana masyarakat tempatan dapat terlibat dalam keusahawanan pelancongan.

### Sejarah Pembukaan Mak Long Teh Guest House

*Mak Long Teh Guest House* adalah rumah-inapan yang terawal di Cherating. Ia dibuka oleh Mak Long Teh bersama suaminya Md. Amin pada tahun 1974. Gelaran Mak Long diberikan kepada beliau oleh penduduk setempat kerana beliau anak sulung dan juga kerana sifat semula jadi beliau yang ramah dan mudah menolong sesiapa saja, tanpa mengira sama ada orang asing ataupun orang tempatan. Nama sebenar Mak Long Teh ialah Teh binti Ahmad. Beliau dilahirkan pada tahun 1916 dan merupakan anak jati kampung Cherating. Sebagaimana masyarakat Cherating lain, sebelum pembukaan rumah-inapan itu, mereka adalah sebuah keluarga nelayan yang serba kekurangan. Sejak dari awal 1960-an, beliau bersama suaminya adalah pemungut telur penyu dan tuntung di pantai Cherating. Di samping itu, beliau membuat kuih dan menjahit baju. Suami beliau mengerjakan kebun kelapa di tepi laut. Di dalam kebun itu mereka membina pondok sebagai tempat beristirehat.

Sebelum rumah-inapan itu dibuka, Cherating hanyalah sebuah perkampungan nelayan biasa di pantai timur Semenanjung Malaysia. Pada masa lalu hanya terdapat sepuluh atau dua belas buah rumah penduduk nelayan. Sebahagian daripada mereka berasal dari daerah sekitar Kuantan. Sebahagian lagi datang dari Kemaman, Kuala Terengganu dan ada dari Kelantan. Pada mulanya datang untuk menangkap ikan tetapi kemudian membawa keluarga untuk bermastautin di situ. Walau bagaimanapun, pada hari ini penduduk tempatan di kawasan pantai hampir tidak kelihatan kerana kawasan tersebut dibina dengan chalet, motel, hotel dan hotel-resort.

Pada awal 1970-an, kerajaan negeri Pahang menubuhkan Jabatan Pelancongan Negeri Pahang yang beribu pejabat di Kuantan. Pada masa tersebut jabatan tersebut dikenali Pejabat Pelancongan Negeri Pahang. Ia merupakan pihak pengeluar pengeluar bagi memungut telur penyu dan tuntung di pantai Cherating. Keluarga Mak Long merupakan antara masyarakat tempatan yang mendapat tender tersebut.

Pegawai jabatan berkenaan sering berkunjung ke rumah Mak Long Teh. Selain daripada memberi tunjuk ajar tentang pemuliharaan penyu dan tuntung, mereka juga diajar oleh kakitangan jabatan berkenaan tentang cara-cara menyambut dan berbual dengan para tetamu ternama itu. Tujuan pihak berkenaan adalah supaya mereka dapat melayani para pegawai *expatriate* asing yang berminat untuk melawat pantai Cherating. Beliau dipilih kerana beliau dipandang memiliki sifat keramahan.

Pada masa tersebut terdapat ramai *Peace Corps* iaitu sukarelawan dari Amerika Syarikat di negara ini. Ini berikutan dengan berlakunya Perang di Indo-China sejak pertengahan 1960-an. Mereka ditugaskan untuk mengajar di sekolah-sekolah di Malaysia. Sebahagian daripada mereka mengajar di Negeri Pahang. Terdapat tiga orang *Peace Corps* yang mengajar di sekolah di sekitar Cherating.

Pada hujung minggu, cuti dan atau cuti penggal persekolahan mereka berkunjung ke Cherating untuk bersantai. Secara umumnya, mereka adalah *backpackers*. Menurut masyarakat setempat, para pelawat asing itu sering muncul di pantai tersebut. Bagi mereka, para pengunjung itu “datang entah dari mana.” Kesemuanya bercakap bahasa Inggeris. Pada masa tersebut masih belum ada tempat penginapan berbayar. Masyarakat tempatan umumnya tidak begitu terangsang untuk membenarkan mereka menginap di rumah mereka kerana memberi layanan kepada orang luar bukanlah budaya mereka. Malah, sukarelawan Amerika Syarikat itu masih dianggap “makhluk asing” pada masa itu. Hanya Mak Teh Long bersedia atau sudi menerima mereka sebagai tetamu. Oleh itu, semuanya menuju ke pondok Mak Long Teh.

Menurut Puan Zaharah, anak Mak Long Teh, ini kerana sifat jadi beliau yang lembut hati (mudah kesian). Walaupun tetamu itu orang asing dan beliau tidak boleh berbahasa Inggeris sama sekali namun Mak Long Teh dengan sifat jadinya itu menerima mereka dengan hati terbuka dan melayani mereka “anak beliau” sendiri. Setiap kali ke situ, pondok kecilnya akan disinggahi oleh para sukarelawan Amerika Syarikat untuk menghilangkan penat-lelah seketika sebelum pulang ke Kuantan.

Beliau membenarkan sebahagian ruang rumah mereka diinapi dengan sedikit bayaran secara ala-kadar. Mak Long Teh tidak merasa takut dan segan-silu melihat orang putih. Sebaliknya, beliau lebih berasa

beruntung sekiranya ada tetamu yang sudi datang kerana beliau berpeluang menyewakan ruang bilik tambahan di pondoknya. Ini menjadi pendapatan sampingan buat beliau dan suaminya. Bertitik-tolak dari situlah timbulnya idea untuk membuka ruang bilik di pondoknya di tepi laut itu. Kemudian disewanya kepada pelancong yang mahu menginap di situ. Pada masa tersebut suami beliau meninggal dunia. Beliau bernekad untuk berdikari demi membesar dua orang anaknya.

Apabila mendapati semakin ramai pelancong asing datang ke rumahnya, beliau menggunakan pondok di dalam kebunnya sebagai rumah-inapan. Kemudian, pondok rumah-inapan beliau dikunjungi pula oleh rakan-rakan *Peace Corps*. Kadangkala mereka datang dalam kumpulan lima atau enam orang secara serentak. Mereka sanggup tidur sebilik di rumah beliau. di samping itu, ada yang tidur di laman pondoknya. Oleh itu, Mak Long Teh membina sebuah lagi pondok tumpangan kecil tambahan berdekatan dengan pondok asalnya itu. Rumah-inapan beliau tersebut dinamakan oleh para pengunjung itu sebagai *Mak Long Teh Guest House*.

Pondok ini terletak di tepi pantai dan pelawat-pelawat asing gemar ke situ. Setiap kali mereka datang, mereka akan mengambil gambar Mak Long Teh dan pondoknya. Mak Long Teh merancang untuk membina lebih banyak rumah-inapan. Untuk itu beliau berjimat-cermat.

### Perkhidmatan Layan tamu

Kadar sewa yang dikenakan oleh Mak Long Teh adalah sebanyak RM10 seorang sehari. Ini termasuk sarapan dan makan malam. Makan tengah hari ditanggung sendiri oleh para pengunjung. Walau bagaimanapun, minuman ringan dan satu atau dua jenis kueh boleh diminta dengan percuma jika mereka mahu. Mak Long Teh menyediakan sendiri makan dan minum untuk mereka. Untuk sarapan pagi, Mak Long Teh menyediakan nasi lemak atau nasi goreng ataupun pisang goreng. Manakala untuk makan malam beliau menyediakan nasi berlaukan lauk ayam atau daging.

Hofmann (1979) memberi gambaran yang selari dengan maklumat yang diberikan oleh para informan yang ditemubual oleh penulis mengenai keadaan di Kampung Cherating pada tahun-tahun 1970-an itu. Secara amnya kampung adalah agak daif. Tidak ada bekalan elektrik dan air paip. Demikianlah juga *Mak Long Teh Guest-House*. Keadaannya kurang selesa, jauh sekali daripada kemudahan mewah. Lampunya dari pelita dan airnya dari perigi. Bilik mandi dan tandas terletak di luar pondok.

Ruang dalam rumah-inapan itu kecil. Pada peringkat awal, beliau hanya mempunyai dua buah rumah-inapan untuk disewa, sebuah yang kecil dan sebuah lagi agak besar. Rumah yang kecil itu mempunyai sebuah bilik dengan sebuah katil. Sementara yang besar, mempunyai dua buah bilik dengan dua buah katil.

Tidak ada televisyen, telefon dan kipas angin yang disediakan. Malah, tidak ada surat khabar. Walaupun rumah-inapannya serba kekurangan namun pelancong asing tidak merungut. Ini kerana mereka sedar tentang kekurangan yang ada. Sebaliknya, mereka gembira dapat merasai pengalaman baru untuk berada di sebuah perkampungan Melayu. Mereka mandi menggunakan air perigi. Pernah juga pelancong asing itu mengadu kerana merasa sangat sejuk ketika mandi di perigi, terutamanya pada pertama kali menginap di situ. Pengalaman begini sukar ditemui di negara mereka. Malah, kerana keunikan itulah yang menjadikan *Mak Long Teh Guest House* sebagai destinasi penginapan sehingga terkenal ke serata dunia.

## Pelawat

Para pelancong yang datang ke Cherating pasti datang ke rumah-inapanan Mak Long Teh. Kebanyakkan mereka akan berkunjung ke rumah-inapanan beliau lebih daripada dua kali. Ini kerana mereka berasa selesa dengan keindahan laut dan budaya masyarakat di situ. Tambahan lagi keramahan dan sifat luhur Mak Long Teh.

Pada tahun-tahun 1980-an *Mak Long Teh Guest-House* menerima pelancong dari pelbagai negara, termasuk Australia, Jepun, Perancis, Jerman, England dan Belanda. Menurut Puan Zaharah, para pelancong itu suka cara hidup orang kampung dan masakan Melayu kampung yang disediakan oleh Mak Long Teh. Mereka sering mengutuskan kad ucapan dan surat bertanya khabar setiap bulan. Kadangkala, mereka mengirim surat untuk tempahan tikar atau beg mengkuang, topi atau kipas. Beliau juga kerap mendapat ole-ole dari luar negeri seperti minyak wangi, skaf atau baju. Ada juga pelancong yang menjemputnya ke negara mereka dengan percuma. Namun begitu, Mak Long Teh tidak memenuhi jemputan tersebut kerana beliau berasa kuatir dengan keselamatan dirinya di tempat orang.

## Perancangan Kerajaan

Seperti telah dinyatakan, pembangunan sektor pelancongan di Cherating telah dirancang oleh pihak kerajaan. Ia merupakan sebahagian daripada tindakan affirmatif kerajaan yang mahu membantu masyarakat luar bandar di seluruh negara. Dalam sektor pelancongan, tindakan ini telah dijalankan sejak 1960-an lagi. Di peringkat negara, pelbagai agensi kerajaan telah mengadakan pelbagai projek seperti Kompleks Bukit Nanas di Kuala Lumpur (meliputi Kereta kabel dan Kompleks Kraf Tangan di atas bukit tersebut), Kereta api Furnicular di Batu Caves, Kedai Bebas Cukai (di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang), Langkawi Country Club (dari segi pengurusan), Motel Desa Kuala Terengganu dan Premis Kedai Bebas Cukai di Pulau Pinang (*TMRA, 1971*). Dalam Rancangan Malaysia Kedua, pihak Kerajaan merancang untuk meneruskan pembangunan projek yang telah dijalankan sejak dekad 1960-an itu. Seterusnya, sejak awal 1970-an, kerajaan mengadakan agensi untuk menjalankan promosi iaitu TDC. Kerajaan juga mengadakan agensi untuk menyediakan kemudian pinjaman kepada Bumiputera bagi keusahawanan akomodasi bujet untuk Bumiputera, terutamanya MARA dan Bank Bumiputera.

Di Pahang, pihak kerajaan mengerakkan fungsi TDC untuk membangunkan Cherating sebagai sebuah destinasi pelancongan. Antara peranan utama TDC Negeri Pahang ialah mempromosikan kebudayaan yang ada di Negeri Pahang yang menjadi produk pelancongan. Di samping itu, usaha mempromosi kebudayaan ini dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Kuantan melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan dengan membina Kompleks Budaya. Ini untuk menarik minat pelancong asing untuk lebih mengenali dan mendalami budaya Melayu. Antara aktiviti yang dilakukan oleh Kompleks Budaya ialah mengadakan persembahan tradisional untuk pelancong dan pengunjung.<sup>5</sup>

Oleh itu, Cherating dapat membangun sebagai sebuah destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa adalah melalui inisiatif Kerajaan. Ia berlaku sama seperti di Pulau Langkawi, Pulau Tioman dan Pengkalan Balak (Melaka). Tujuan kerajaan melakukannya adalah sebagai salah satu langkah untuk memajukan kawasan luar bandar.

Sejak pertengahan 1970-an pihak kerajaan memulakan pembinaan hotel-resort mega di Cherating iaitu Club Mediterranee dan Tanjung Jara Beach Resort. Di samping itu, kerajaan juga memberi inisiatif kepada

---

<sup>5</sup> Sumber dari Majlis Perbandaran Kuantan.

pihak swasta membuka Hotel Merling di Teluk Kembar. Ini bertujuan menjadi pemangkin kepada pembangunan luar bandar, termasuk memberi peluang pekerjaan dan membuka ruang perniagaan di kalangan masyarakat tempatan. Dalam laporan *Tourism Product Summary Report* (1975: 34) dinyatakan: "International tourism were essential as seed corn and pump priming affords. The efforts were responsible for such product development as Club Mediterranee, Cherating and Tanjung Jara Beach Resort."

Senario umum perancangan kerajaan dalam sektor pelancongan pada masa tersebut dapat dilihat pada laporan pengurus TDC, Tan Sri Philip Kuok:

Permulaan kerja-kerja pembinaan projek Kelab Mediterranee di Cherating dan projek-projek Tanjung Jara dan Rantau Abang di Dungun adalah usaha kemuncak Perbadanan (TDC) di dalam menyediakan serangkaian infrastruktur pelancungan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Dengan siapnya projek-projek tersebut maka ia akan membuka satu wilayah destinasi pelancungan yang baru di Malaysia. Perbadanan telah diberi tugas untuk membangunkan Pulau Langkawi sebagai satu lagi destinasi pelancungan. Untuk mencapai matlamat ini Langkawi Country Club telah diambil alih dan seterusnya diletakkan di bawah jagaan Perbadanan pada 1 hb. Januari 1977 dan dengan itu menjelaskan hotel yang pertama dikendali dan diuruskan oleh Perbadanan (dalam Kata-Kata Aluan Pengerusi bagi *Laporan Tahunan PKPM/TDC 1977*).

*Mak Long Teh Guest-House* adalah sebahagian daripada kesan daripada perancangan tersebut. Secara lebih tuntas, perkembangan *Mak Long Teh Guest House* adalah kesan limpahan daripada pembinaan Club Mediterranee dan Tanjung Jara Resort. Pembukaan Club Mediterranee itu adalah usahasama antara tiga pihak iaitu TDC, PKEN Pahang dan Syarikat Mediterranee dari Paris.

Usaha beliau mendapat bantuan daripada TDC. Penolong Pegawai TDC, bernama Cik Sabera Shaik, ditugaskan khas untuk mendorong Bumiputera terlibat dalam pelancongan dan perlesenan (*Buku Rasmi Organisasi Kerajaan Malaysia: Panduan Pegawai*, 1975: 353). Nama Cik Sabera Shaik masih disebut-sebut oleh masyarakat tempatan apabila menceritakan sejarah bagaimana Cherating dapat muncul sebagai destinasi pelancongan seperti adanya pada hari ini.

Kemudian, datang Cik Yang Dahari yang pada ketika itu merupakan Pegawai Pelancongan di Pejabat Pelancongan Negeri Pahang di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Beliau untuk membuat kajian kebudayaan di situ. Beliau tertarik dengan usaha yang dibuat oleh Mak Long Teh. Ini kerana ia sesuai dengan program yang dianjurkan oleh

pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, iaitu Program Homestay. Usaha Mak Long Teh itu memberi inspirasi kepada pihak Tourism Malaysia dijadikan model pembangunan homestay di tempat-tempat lain. Masyarakat tempatan di Cherating mulai turut serta untuk membuka rumah-inapanan. Mereka mendapat bantuan kewangan dari pelbagai agensi Kerajaan.

### Back-packers

Seperti telah dinyatakan, kejayaan Mak Long Teh menjalankan keusahawanan rumah-inapan adalah kerana adanya *Peace Corps* Amerika Syarikat semasa Perang di Indo-China. Dalam pelancongan, mereka digolongkan sebagai *backpackers*. Banyak pihak, termasuk pihak perancang, advokator sosial dan penyelidik sosiologi-antropologi, memandang enteng terhadap *back-packers*, malah, ada yang menganggap mereka “pengacau” (*nuisance*) dengan anggapan mereka membawa anasir “budaya kuning” yang menghakis nilai budaya dan keagamaan serta memusnahkan jati diri masyarakat tempatan (Hong 1985 dan Bird 1989). Walau bagaimanapun, dalam realitinya mereka merupakan salah satu “faktor” penting dalam pembangunan pelancongan Malaysia. Ini ketara di Cherating. Mereka memain peranan yang amat signifikan dalam pembangunan pelancongan di luar bandar dan dalam pembangunan produk (kraf) masyarakat tempatan.

Sebetulnya pihak Kerajaan Malaysia telah menerima hakikat bahawa *back-packers* adalah salah satu “faktor” dalam pembangunan pelancongan negara. Misalnya, TMRA (1969: 12) melaporkan sejumlah 30,464 salinan brosur telah diedarkan oleh Jabatan Pelancong di R & R Offices yang beribu pejabat di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. R & R Offices adalah pejabat bagi *Peace Corps* iaitu sukarelawan Amerika Syarikat semasa Perang Vietnam. Pada tahun 1968 Malaysia dipilih sebagai salah sebuah pusat-rehat dan rekreasi bagi tentera Amerika Syarikat itu. Pelawat *Peace Corps* itu secara amnya adalah *back-packers*. Agensi Kerajaan membuat promosi di kalangan mereka supaya mereka melakukan lawatan ke negeri-negeri pantai timur Semenanjung. Mereka dianggap “pelancong antarabangsa.”

Pada era tersebut golongan inilah yang menjadi segmen pelancong antarabangsa paling utama di negara ini selain pelawat-keluarga (F & R) di kalangan kaum Cina dari Singapura dan Thailand. *Back-packers* inilah pelancong antarabangsa terawal yang pergi melancong ke kawasan-kawasan pinggiran dan di luar bandar di Semenanjung. Malah mereka

juga pihak yang membangunkan rumah tumpangan Cina menjadi suatu komponen pelancongan Malaysia. Misalnya *The Real Guide: Penang Complete Visitor Handbook* (1999: 37) menyatakan keadaan di Pulau Pinang:

Chulia Street is the most important street in Penang for tourists, and is the centre of a well established *back-packers* scene. It all began in the 1960s when the Vietnam War made Bangkok the hub of relatively cheap flights for many parts of the world. The great Southeast Asian overland adventure then consisted of taking a flight to Bangkok, catching a 24-hour train to Penang — with an optional stop at Koh Samui — then continuing by train to Singapore, but boat or plane to Jakarta, overland across Java and Bali, stopping on the way at Yogyakarta to see the great monuments of Prambanan and Borobudur, then back to Jakarta, Singapore, perhaps by bus along the East Coast, and finally from Kota Bharu-Golok back to Bangkok.

Di pantai timur Semenanjung dan perpantaian di Pulau Pinang, mereka menjadi katalis di kalangan masyarakat tempatan untuk mengusahakan tempat penginapan. Sebagaimana akan dijelaskan, keusahawanan dalam sektor ini di kalangan masyarakat di Cherating adalah bermula apabila mereka menyediakan ruang di rumah mereka diinapi oleh *back-packers* itu dengan pembayaran tertentu. Ekoran daripada itu, “pelancong antarabangsa” itu menjadi pengasasan kepada program homestay. Mereka juga merupakan pelancong terawal membeli barang keluaran tempatan seperti kraf, batik dan cendera mata.

Oleh itu, *back-packers* tidaklah boleh dianggap *drifter* atau *normad* yang tidak berguna. Ini kerana mereka lah yang menjadi pemangkin dan menimbulkan pasaran terhadap akomodasi, pengangkutan, kraf dan barang runcit di kalangan masyarakat bumiputera tempatan.

### Pengembangan Mak Long Teh Guest-House

Pada pertengahan 1980-an, Mak Long Teh membeli sebidang tanah selesai tiga ekar berharga RM600. Tempat tersebut agak jauh sedikit dari pantai. Walau bagaimanapun, masih jelas terdengar bunyi alunan ombak pada waktu malam. Pada hari ini tempat tersebut menjadi berada di tepi jalan raya utama Kuantan-Kemaman setelah jalan utama diperbesarkan pada tahun-tahun 1980-an. Pembelian tanah tersebut adalah daripada simpanannya selama itu. Beliau merasa ini perlu dilakukan setelah memikirkan rumah-inapannya berhampiran dengan laut itu sentiasa menerima hakisan yang teruk setiap kali tiba musim tengkujuh. Di samping

itu, beliau memerlukan kawasan yang luas kerana kedatangan pelancong asing kian meningkat kerana rumah-inapannya.

Untuk membangunkan rumah-inapan dan mengadakan kemudian di tempat tersebut, Mak Long Teh membuat memohon pinjaman daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA). Bantuan pinjaman dibuat dua kali. Kali pertama sebanyak RM10,000. Kali kedua dalam jumlah yang sama. Pinjaman beliau mudah diluluskan kerana selain beliau penduduk asal di Cherating, rumah-inapan beliau telah terkenal di serata dunia dan sering menjadi tumpuan. Ketika pinjaman pertama diluluskan, Mak Long Teh membina tiga buah chalet dengan harga setiap satunya berharga RM3,000, 27 tahun dahulu. Mak Long Teh bercabang untuk menambah tiga buah pondok kembar lagi berharga RM3,000 sebuah dengan membuat permohonan kali kedua. Pondok kecil pula berharga RM800 sebuah dengan tidak termasuk perabot di dalamnya dengan tujuan untuk menampung jumlah pelancong ke rumah tumpangannya.

Pada tahun 1990, Mak Long Teh memiliki 12 chalet dengan 19 buah bilik. Wartawan majalah *Wanita* (Disember 1991: 194) merakamkan:

Tanpa disangka program yang Mak Long sertai mendapat sambutan sehingga Mak Long mengambil keputusan membina chalet murah dengan mendapat pinjaman MARA. Pada mulanya 3 chalet dibina dengan harga RM 3,000 setiap satu 10 tahun lalu. Mat Saleh memang suka cara hidup kampung dan masakan kampung yang Mak Long sediakan. Untuk sarapan disediakan nasi lemak, atau nasi goreng ataupun goreng pisang, dan nasi dengan lauk ayam atau daging untuk makanan malam.

Jumlah bilik di rumah-inapan beliau itu masih tidak mencukupi terutamanya pada musim cuti persekolahan dan cuti am. Sebahagian sebabnya ialah kerana harga perkhidmatan di rumah-inapanan beliau itu yang termurah di Cherating.

## Promosi

Sejak tahun-tahun 1980-an, Mak Long Teh *Guest House* menjadi semakin terkenal. Walaupun tidak berbahasa Inggeris namun beliau boleh memahami apa yang dikehendaki para pelancong. Menurut Puan Zaharan, Mak Long Teh sendiri merasa hairan mengapa begitu ramai pelancong asing datang ke rumah-inapannya. Misalnya, pada satu hari, Mak Long Teh terpegun melihat sebuah buku pelancongan yang ditunjukkan oleh seorang pelancong wanita dari Belanda. Rumah-inapan dan gambar Mak

Long juga disiarkan berwarna-warni dalam buku itu. Tulisannya juga ringkas dan berkesan.

Seperti telah dinyatakan, maklumat tentang beliau dan rumah beliau disampaikan oleh *Peace Corps* yang pernah berkunjung ke rumah beliau. Ada melalui surat menyurat dan ada yang disebarluaskan dari mulut ke mulut apabila ada di kalangan mereka pulang ke negara Amerika Syarikat. Menurut buku tersebut, rupa-rupanya Mak Long Teh adalah wanita Melayu pertama yang memulakan industri pelancongan di Cherating.

Salah satu sebab kenapa Mak Long Teh mendapat perhatian ialah kegemaran beliau dalam anyaman mengkuang bersama anaknya. Malah, beliau dianggap seorang pakar dalam membuat anyaman. Barang-barang berasaskan anyaman itu kemudian dijual kepada pelancong. Kadang kalanya kedua beranak ini menjemput para pelancong untuk cuba menganyam bersama mereka. Ada kalanya, Mak Long Teh menghadiahkan ole-ole kepada para pelancong berkeluarga yang tinggal lama di situ. Ini menjadi kenangan di kalangan pelancong berkenaan. Apabila mereka pulang ke negara mereka masing-masing, mereka menyebarkan maklumat tentang kemahiran Mak Long Teh kepada teman-teman mereka. Ini dengan sendirinya memperkenalkan rumah-inapan Mak Long Teh ke dunia luar.

### Penglibatan Masyarakat Setempat

*Mak Long Teh Guest-House* merupakan salah satu saluran bagi masyarakat tempatan dapat terlibat dalam sektor industri pelancongan. Pada peringkat awal Mak Long Teh menghadapi cabaran di kalangan jiran-jirannya. Mak Long Teh berasa sedih dengan sikap dingin jiran-jiran di sekampungnya. Malah, ada kalangan mereka yang mengeji beliau kerana membuat rumah-tumpangan untuk orang asing. Ada yang memulaukan keluarga beliau. Mereka tidak mahu bermuafakat atau berbincang dengan Mak Long Teh dalam sesuatu hal di kampung tersebut. Walau bagaimanapun, Mak Long Teh bersabar dan terus bermesra dengan para jirannya walaupun terpaksa menebalkan muka.

Dalam pada itu, apabila ada kutipan derma tabung khairat atau kutipan bagi tabung sebarang persatuan, mereka menghubungi Mak Long Teh terlebih dahulu. Ini kerana Mak Long Tehlah yang paling banyak menghulurkan derma setiap kali mereka datang ke rumahnya. Jika ada yang datang untuk meminta pinjaman walaupun dalam jumlah yang kecil, Mak Long Teh tidak sampai hati untuk menghamparkan permintaan jiran-jiran yang datang ke rumahnya walaupun jumlah yang dihulurkan tidak seberapa.

Kebetulan hasil kerja anyaman mengkungnya mendapat sambutan. Beliau mengambil jiran-jirannya untuk berkerja mengayam bersamanya. Dengan ketabahan hatinya itu beliau dapat mencipta kerja bagi masyarakat setempat. Usaha Mak Long Teh untuk melibatkan masyarakat setempat diteruskan oleh anaknya, Puan Zaharah. Selepas beliau meninggal dunia, pusat anyaman beliau itu diusahakan pula oleh Puan Zaharah.

Pada hari ini, di antara beberapa buah rumah-inapan itu, ada sebuah rumah anyaman yang masih berfungsi. Rumah itu kini telah mendapat bantuan dan dikelolakan oleh pihak Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Rumah ini juga kemudian dinaik taraf menjadi pusat kraftangan dengan aktiviti utama ialah menganyam dan menjual hasil anyaman tersebut ke serata tempat termasuklah turut dipasarkan sehingga ke Kuala Lumpur. Puan Zaharah boleh bertutur bahasa Inggeris sepatah-sepatah. Beliau tidak lokek untuk berkongsi kemahiran dengan penduduk kampung. Selain menjual anyaman mengkuang yang dihasilkan oleh para peserta di pusat tersebut, mereka turut dipanggil membuat pameran sekiranya ada jemputan dari pihak Kompleks Budaya. Pameran ini adalah untuk menarik pelancong. Dengan usaha beliau itulah sebahagian masyarakat sekampungnya dapat menjadi peserta menganyam mengkuang. Ini merupakan salah satu cara yang membolehkan masyarakat tempatan dapat terlibat dalam sektor pelancongan.

### Kini

Pada hari ini *Mak Long Teh Guest-House* tidak beroperasi lagi. Malah, rumah-inapan yang menjadi asas pembangunan Cherating sebagai destinasi pelancongan itu berada dalam keadaan amat daif dan terbiar. Beberapa buah rumah-inapan itu dijadikan rumah sewa. Hanya sebuah rumah yang masih beroperasi iaitu yang dijadikan pusat mengayam mengkuang. Kemerosotan rumah-inapan itu berlaku sejak Mak Long Teh meninggal dunia pada tahun 2006 pada usia 90 tahun kerana sakit tua.

Menurut Puan Zahara, anak Mak Long Teh, rumah-inapan itu terbiar kerana beberapa sebab. Pertama, tidak ada ahli keluarga yang mahu meneruskan usaha tersebut. Ini berkait dengan sebab kedua iaitu kerana tidak ramai pelancong yang datang ke rumah-inapan tersebut sejak Mak Long Teh meninggal dunia. Kemerosotan itu juga kerana terdapat begitu banyak tempat penginapan lain yang lebih baik didirikan di Cherating termasuk hotel 5-bintang dan hotel-resort yang mempunyai pelbagai kemudian rekreasi yang tidak mampu disaingi oleh

keusahawanan tempatan secara kecil-kecilan. Di samping itu, terdapat begitu banyak rumah-inapan lain di situ. Dengan itu, timbul begitu banyak persaingan daripada chalet atau hotel lain yang berlumba-lumba menawarkan perkhidmatan terbaik pada harga yang tidak dapat disaingi. Menurut Puan Zaharah, bukan beliau berniat mahu menutup rumah-inapan yang dicetuskan oleh arwah ibunya itu tetapi disebabkan masalah ketidaaan pengunjung. Ini kerana sejak awal 1990-an begitu banyak dibuka kawasan untuk perusahaan perhotelan dan chalet. Secara tidak langsung, chalet murah dan perkhidmatan yang serba kekurangan pasti tidak mendapat sambutan kerana pelancong pada hari ini lebih gemarkan keselesaan dalam bentuk kesempurnaan fasiliti untuk memudahkan percutian mereka.

Puan Zaharah menyatakan walaupun tidak lagi bertemu pelancong yang pernah menginap di rumah milik arwah ibunya itu namun masih ramai yang datang berkunjung kembali menanyakan khabar dan bercerita tentang pengalaman mereka ketika menginap di *Mak Long Teh Guest House* serta ada pelancong yang mengirimkan gambar kenangan mereka di rumah-inapan tersebut walaupun telah kembali ke negara asal. Ini kerana pengalaman yang mereka lalui cukup mendalam.

## Kesimpulan

Pembukaan dan pengembangan *Mak Long Teh Guest-House* adalah didorong oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor luaran ialah wujudnya permintaan daripada adanya *backpackers* yang pada asalnya terdiri daripada *Peace Corps* warganegara Amerika Syarikat semasa Perang Indonesia-China. Di samping itu, pembangunan sektor pelancongan di Cherating adalah sebahagian daripada tindakan affirmatif kerajaan yang mahu membantu masyarakat luar bandar. Walau bagaimanapun, pembukaan dan pengembangan *Mak Long Teh Guest-House* itu lebih didorong oleh faktor dalaman iaitu sifat keperibadian pada diri Mak Long Teh itu sendiri. Mak Long Teh dapat dianggap salah satu contoh bahawa aset paling penting dalam keusahawanan, terutamanya dalam sektor industri layan-tamu, adalah kesabaran serta ramah dan mudah menolong sesiapa saja tanpa mengira sama ada orang asing ataupun orang tempatan. Sehubungan itu, dari satu sisi, memang patut Mak Long Teh dianggap “aset” dalam pelancongan Malaysia. Dari sisi yang lain, beliau dapat dijadikan model dan teladan kepada mana-mana masyarakat tempatan yang berhasrat berkecimpung dalam keusahawanan ini. *Mak Long Teh Guest-House* memberi pengajaran bahawa seseorang yang tidak berpelajaran dan tidak terdedah kepada dunia masih boleh

menjalankan keusahawanan pelancongan. Rahasia kejayaan sesuatu keusahawanan itu lebih banyak terletak pada akal-budi dan bawaan peribadi seseorang itu.

## Rujukan

- Burkart A.J dan J.S. Medlik. 1974. *Tourism: Past, Present and Future*. London: Heinemann
- Rancangan Malaysia Kedua.  
Majlis Perbandaran Kuantan.  
*Laporan Tahunan PKPM/TDC 1977.*
- Buku Rasmi Organisasi Kerajaan Malaysia: Panduan Pegawai*. 1975. Kuala Lumpur: Penerbitan Kerajaan Malaysia.
- Hong, Evelyn. 1985. *See the Third World While It Lasts: The Social and Environmental Impact of Tourism with Special Reference to Malaysia..* Penang: Consumer's Association of Penang.
- Bird, Bella. 1989. *Langkawi - From Mahsuri to Mahathir: Tourism for Whom?* Kuala Lumpur: INSAN.
- The Real Guide: Penang Complete Visitor Handbook* (1999)
- Wood, R.E. 1984. Ethnic tourism, the state, and cultural change in Southeast Asia. Dalam *Annals of Tourism Research*. Volume 11, Issue 3.
- Lee Tze Ian and Ghazali Musa. 2008. Uncovering the International Backpackers to Malaysia. Dalam Kevin Hannam and Irena Ateljevic (eds.), *Backpacker Tourism Concepts and Profiles*. Clevedon: Channel View Publications.
- Kadir H. Din. 1989. Islam and tourism : Patterns, issues, and options. Dalam *Annals of Tourism Research*. Volume 16, Issue 4, Pages 542-563
- Norazlinda bt Mohamed Rosdi. 2008. Pembangunan Pelancongan Negeri Pahang: Kajian Kes di Cherating. UKM: Bangi
- Wanita. 1988. Oktober
- Wanita. 1991. Disember.
- Harian Metro*. Tingkat promosi pelancongan kampung tradisional. 15 April 2008.
- Kadir Hj. Din. 1988. *Keusahawanan Bumiputera dalam industri pelancongan di Cherating dan Pulau Tioman*. Kertas Kadangkala Bil. 1. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nicol, G. 1977. *Malaysia and Singapore*. London: B. T. Batsford Ltd.
- Informan:
- 1) Puan Zaharah binti Md Amin, anak Mak Long Teh.
  - 2) Encik Basiron, cucu saudara Mak Long Teh. Pada hari ini beliau menjadi pemilik chalet *Cherating Beach View*.
  - 3) Beberapa orang masyarakat tempatan di Cherating.